

21 OCT 2001

APEC-Perentian

PEMIMPIN APEC BEREDAR BAGI PERENTIAN

Oleh: Mohamed Kamel Othman

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin dunia yang menghadiri Mesyuarat Pemimpin-pemimpin APEC kesembilan hari ini beredar bagi perentian mereka di Muzium Sains dan Teknologi Shanghai di sini hari ini.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain, yang tiba dengan mengenakan pakaian tradisional Cina berwarna merah dan biru, disambut oleh Presiden China Jiang Zemin.

Pakaian tradisional Cina yang dipakai oleh Dr Mahathir, mempunyai reka bentuk corak bulatan bunga "peonies", sejenis bunga terkenal di China, mengelilingi empat huruf "APEC" dan pakaian itu terdiri jaket satin sulaman dan kemeja sutera putih.

Reka bentuk itu mengekalkan corak pakaian tradisional China dengan gabungan ciri pakaian moden.

Mesyuarat pemimpin-pemimpin itu merupakan perhimpunan pelbagai hala peringkat tertinggi sejak Amerika Syarikat diserang oleh pengganas pada 11 Sept.

Taiwan tidak diwakili pada mesyuarat ini kerana percanggahan pendapat akan status wakil yang dicadangkan bagi Taiwan, Naib Presiden Li Yuan-Zu.

Pada sidang kemuncak APEC sebelum ini, Beijing memaksa Taiwan menghadkan perwakilannya kepada seorang menteri kabinet atau pemimpin perniagaan.

Taiwan mengambil bahagian dalam mesyuarat APEC sebagai sebuah "ekonomi" di bawah nama "China Taipei" -- satu penentuan yang dibuat bagi mengatasi bantahan China terhadap pengiktirafan Taiwan sebagai sebuah negara lain.

Pada akhir perentian itu, deklarasi pemimpin-pemimpin itu akan dibacakan. Sesetengah pemimpin akan berlepas pulang atau ke destinasi lain hari ini.

Forum APEC terdiri Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

-- BERNAMA

MKO KHY RYN RHM